

**KAJIAN TAHAP PROFESIONALISME KEGURUAN LEPASAN SARJANA
PENDIDIKAN KUITTHO : PENILAIAN KENDIRI**

NOR HAZIAH BINTI HUSSIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

FEBRUARI, 2003

Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk :

Abah dan Mak.....

Doa kalian mengiringi kehidupanku.

Suami Tersayang(Azahari Mat Diah)

Terima kasih di atas pengorbanan, sokongan dan doronganmu.

Anak Tersayang.....(Muhammad Luqman Hakim)

Dirimu sentiasa diingatan dan ummi sayang Luqman.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. Yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah s.a.w. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka terhasilnya laporan Projek Sarjana.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pembimbing Projek Sarjana, Puan Halizah Binti Awang di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan selama hampir setahun perjalanan projek ini. Tanpa bimbingan daripada beliau, adalah sukar untuk menyempurnakan kajian ini. Rakaman penghargaan ini juga ditujukan kepada para pensyarah Bahagian Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah di atas kerjasama menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh serta sanggup meluangkan masa berkongsi pendapat dan pandangan.

Kepada teman-teman seperjuangan sekalian. Terima kasih di atas kerjasama, bantuan, sokongan serta dorongan yang telah diberikan kalam menyiapkan laporan Projek Sarjana ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu melaksanakan Projek Sarjana.

Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan dan diberkati oleh Allah S.W.T. Terima kasih dan wassalam.

ABSTRAK

Laporan Projek Sarjana ini mempersembahkan hasil kajian yang bertajuk “Kajian Tahap Profesionalisme Keguruan Lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO : Laporan Kendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri kualiti profesionalisme keguruan yang dimiliki oleh lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO di Politeknik dan mengenalpasti sejauhmana kecenderungan lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka. Sampel kajian adalah seramai 23 orang responden. Kajian adalah berbentuk tinjauan iaitu menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO yang bertugas di Bahagian Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah. Kesemua data di analisis dalam bentuk deskriptif dan frekuensi. Kaedah peratusan digunakan untuk menganalisis data bagi latarbelakang responden. Manakala kaedah purata skor digunakan untuk menganalisis data bagi ciri-ciri kualiti yang disenaraikan iaitu dari segi pengetahuan dalam bidang yang diajar, kemahiran dan kaedah pengajaran serta sahsiah yang dimiliki dan tahap kecenderungan responden untuk meningkatkan tahap profesionalisme. Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa keseluruhan responden mempunyai ciri-ciri kualiti yang diperlukan untuk memenuhi tahap profesionalisme keguruan dan responden juga mempunyai kecenderungan untuk meningkatkan tahap profesionalisme keguruan yang ada. Di akhir kajian ini, pengkaji mencadangkan agar diwujudkan satu Panduan Ringkas Penilaian Tahap Profesionalisme Keguruan yang boleh digunakan sebagai kriteria/panduan dalam proses pemilihan pensyarah baru dan panduan kepada pensyarah sedia ada dan dicadangkan supaya kajian ini dilanjutkan ke seluruh Politeknik di Malaysia.

ABSTRACT

This report represents a survey study conducted at Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah entitled “Research of Educational Professionalism Level After Graduate Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) : Self Evaluation”. The purpose of this study is to survey the level of educational professionalism in Polytechnic and the attitude to increase their educational professionalism. There are 23 respondents were chosen as the samples.

Questionnaires were used in the data generation that was analyzed descriptively and frequency by using Statistical Package for Social Sciences version 10 (SPSS). Min score was used to compute the data from part B and C. Data from part A was used frequency technique. The findings showed that all the variables were at the high level of educational professionalism aspect such as knowledge of the teaching subject, skill and teaching technique/solution and individuality. The researcher suggest that aspect in educational professionalism research were used to make a simple direction for current lecture and also to continue this research to all polytechnic in Malaysia.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTARK	v
	ABSTRACT	vi
	HALAMAN KANDUNGAN	vii
	HALAMAN SENARAI JADUAL	xi
	HALAMAN SENARAI RAJAH	xii
	HALAMAN SENARAI SINGKATAN	xiii
	HALAMAN SENARAI LAMPIRAN	xiv
I	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar belakang Masalah	5
	1.2 Pernyataan Masalah	7
	1.3 Persoalan Kajian	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Kerangka Teori	9
	1.6 Batasan Kajian	10
	1.7 Kepentingan Kajian	11
	1.8 Definisi Istilah	13

II SOROTAN KAJIAN

2.0	Pengenalan	14
2.1	Ciri-ciri Kualiti Profesionalisme	15
2.2	Ilmu Pengetahuan Yang Dimiliki Oleh Pendidik	17
2.3	Kaedah Penyampaian dan Kemahiran Mengajar	20
2.4	Sahsiah Pendidik	22
2.5	Peningkatan Tahap Profesionalisme Keguruan	30
2.6	Kesimpulan	32

III METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	33
3.1	Reka bentuk Kajian	34
3.2	Tempat Kajian	34
3.3	Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	35
	3.4.1 Bahagian A	36
	3.4.2 Bahagian B	36
	3.4.3 Bahagian C	37
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	38
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	39
	3.6.1 Pengedaran Soal Selidik Untuk Kajian Rintis	39
	3.6.2 Pengedaran Soal Selidik Yang Sebenar	39
	3.6.3 Proses Pemungutan Kembali Soal Selidik	40
3.7	Analisis Data	40
	3.7.1 Peratusan	41
	3.7.2 Purata Skor	41

IV DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	43
4.1	Latar belakang Responden	44
	4.1.1 Jantina	45

4.1.2	Umur	45
4.1.3	Tempoh Berkhidmat	46
4.2	Prosedur Untuk Menganalisis Data	46
4.3	Dapatan Kajian	48
4.3.1	Ciri-ciri Kualiti Profesionalisme Keguruan Lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO	48
4.3.1.1	Pengetahuan Dalam Bidang Yang Diajar	49
4.3.1.2	Kemahiran dan Kaedah Penyampaian	51
4.3.1.3	Sahsiah Yang Dimiliki	54
4.3.2	Kecenderungan Untuk Meningkatkan Tahap Profesionalisme Keguruan	56
4.4	Rumusan Dapatan Kajian	58

V RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	59
5.1	Perbincangan dan Kesimpulan	60
5.1.1	Latar belakang Responden	60
5.1.2	Ciri-ciri Kualiti Profesionalisme Keguruan	61
5.1.2.1	Pengetahuan Dalam Bidang Yang Diajar	61
5.1.2.2	Kemahiran dan Kaedah Penyampaian	63
5.1.2.3	Sahsiah yang Dimiliki	65
5.1.2.4	Kecenderungan Untuk Meningkatkan Tahap Profesionalisme Keguruan	68
5.2	Cadangan	70
5.2.1	Cadangan Untuk Pensyarah Politeknik dan Bahagian Perkembangan Staf	70

5.2.1.1	Keperluan Kepada Panduan Menilai Profesionalisme Keguruan	70
5.2.1.2	Menghadiri Kursus	71
5.2.2	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	71
5.3	Rumusan	72
RUJUKAN		75
LAMPIRAN		80



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.0	Jumlah Pensyarah Bahagian Perdagangan Lepas Sarjana Pendidikan KUiTTHO	35
3.1	Aras Persetujuan Likert	37
3.2	Keputusan Kajian Rintis	38
3.3	Kaedah Peratusan Ke kerap an	41
3.4	Kaedah Purata Skor	41
3.5	Analisis Skala Pemeringkatan Likert	42
4.0	Jantina Responden di PSA	45
4.1	Latar belakang Responden	46
4.2	Bilangan Item Mengikut Bahagian	47
4.3	Tahap Skor Min Bagi Bahagian B dan C	48
4.4	Tahap Penguasaan Pengetahuan Pensyarah Lepas Sarjana Pendidikan KUiTTHO Dalam Bidang Yang Diajar	50
4.5	Tahap Kemahiran dan Kaedah Penyampaian Pensyarah Lepas Sarjana Pendidikan KUiTTHO	53
4.6	Sahsiah Yang Dimiliki Oleh Pensyarah Politeknik Lepas Sarjana Pendidikan KUiTTHO	55
4.7	Tahap Kecenderungan Untuk Meningkatkan Tahap Profesionalisme Keguruan	57
4.8	Tahap Profesionalisme Keguruan Pensyarah Politeknik Lepas Sarjana Pendidikan KUiTTHO	58

SENARAI SINGKATAN

PSA	-	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
SPSS	-	Statistical Packages for The Social Sciences



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	80
B	Keputusan Kajian Rintis	86
C	Analisis Frekuensi, Peratusan dan Skor Min	90
D	Panduan Ringkas Penilaian Tahap Profesionalisme Keguruan	98



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam abad ke- 21 ini, ahli-ahli pendidik di negara ini sangat mengutamakan persoalan kualiti atau mutu dalam pendidikan guru. Isu kualiti atau mutu dalam pendidikan guru ini lebih banyak dibincangkan dalam forum dan seminar masa kini berbanding dengan masa lalu. Perkembangan pendidikan terkini yang begitu pesat, mencabar dan canggih memerlukan perhatian yang serius di kalangan pendidik. Pelaksanaan reformasi pendidikan menuntut pendidik mereformasikan diri ke arah pandangan, sikap dan daya usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang canggih demi mempertingkatkan keupayaan dan prestasinya dalam bidang kerjaya yang kian mencabar. Melalui kursus dalam perkhidmatan atau kursus peningkatan profesionalisme keguruan, kaum guru/pendidik dapat memperlengkapkan diri dan seterusnya memperkasakan profesionalisme.

mempunyai sikap positif terhadap pekerjaannya. Hanya mereka yang memperoleh kualiti-kualiti tersebut boleh menjalankan tugas dengan sempurna dan berkesan. Kualiti-kualiti seperti ini merupakan ciri-ciri profesionalisme keguruan.

Selain itu juga, dalam konteks keguruan, profesionalisme seseorang guru dinilai dari aspek mutu pendidikan daripada beberapa aspek, seperti sikap dan nilai guru dalam pengajaran umpamanya, akan mempengaruhi minat, sikap dan nilai pelajar. Begitu juga dengan pendekatan yang digunakan turut sama memberi pengaruh terhadap tingkah laku, tahap penerimaan dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran. Dalam hal yang sama juga, mutu pendidikan itu berkait rapat dengan keberkesanan dalam mengaplikasikan sumber pengajaran secara maksimum yang turut mempengaruhi minat, kefahaman, penyertaan dan pencapaian pelajar dalam proses P&P. Mutu pendidikan juga turut bergantung atau berkait dengan personaliti guru yang akan menentukan iklim pembelajaran pelajar.

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan syor-syor atau perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) mengenai pendidikan guru iaitu dengan mengambil beberapa langkah, antaranya ialah :

1. Mengadakan sistem pengambilan pensyarah-pensyarah baru yang berkualiti.
2. Mengadakan Proses Pemilihan Guru-guru Pelatih yang sistematik dengan menganjurkan Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP) dan temuduga yang bertujuan untuk memilih bakal-bakal guru berasaskan kesesuaian calon-calon dari segi kebolehan, minat, sikap dedikasi dan watak.
3. Mengadakan Program Pendidikan Guru selama tiga tahun bagi menggantikan Kursus Perguruan Bersepadu mulai tahun 1981 dan sebagainya.

mempunyai sikap positif terhadap pekerjaannya. Hanya mereka yang memperoleh kualiti-kualiti tersebut boleh menjalankan tugas dengan sempurna dan berkesan. Kualiti-kualiti seperti ini merupakan ciri-ciri profesionalisme keguruan.

Selain itu juga, dalam konteks keguruan, profesionalisme seseorang guru dinilai dari aspek mutu pendidikan daripada beberapa aspek, seperti sikap dan nilai guru dalam pengajaran umpamanya, akan mempengaruhi minat, sikap dan nilai pelajar. Begitu juga dengan pendekatan yang digunakan turut sama memberi pengaruh terhadap tingkah laku, tahap penerimaan dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran. Dalam hal yang sama juga, mutu pendidikan itu berkait rapat dengan keberkesanan dalam mengaplikasikan sumber pengajaran secara maksimum yang turut mempengaruhi minat, kefahaman, penyertaan dan pencapaian pelajar dalam proses P&P. Mutu pendidikan juga turut bergantung atau berkait dengan personaliti guru yang akan menentukan iklim pembelajaran pelajar.

Lantaran itu, Kementerian Pendidikan khususnya Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan syor-syor atau perakuan-perakuan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) mengenai pendidikan guru iaitu dengan mengambil beberapa langkah, antaranya ialah :

1. Mengadakan sistem pengambilan pensyarah-pensyarah baru yang berkualiti.
2. Mengadakan Proses Pemilihan Guru-guru Pelatih yang sistematik dengan menganjurkan Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP) dan temuduga yang bertujuan untuk memilih bakal-bakal guru berasaskan kesesuaian calon-calon dari segi kebolehan, minat, sikap dedikasi dan watak.
3. Mengadakan Program Pendidikan Guru selama tiga tahun bagi menggantikan Kursus Perguruan Bersepadu mulai tahun 1981 dan sebagainya.

Situasi ini dilihat di dalam perubahan yang berlaku dalam arena pendidikan guru di Malaysia. Bahagian Pendidikan Guru dan Maktab Perguruan adalah pendorong cita-cita dan akan terus berusaha ke arah meninggikan mutu latihan pendidikan guru dengan hasrat mengeluarkan guru-guru yang kian bertambah cekap, lebih berpengetahuan dan lebih berdedikasi.

Keadaan ini juga berlaku di dalam pengambilan pensyarah-pensyarah Politeknik di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa para pelajar Sarjana Pendidikan yang diambil untuk mengajar di Politeknik oleh Kementerian Pendidikan Teknik dan Vokasional yang dilatih di KUiTTHO adalah terdiri daripada para pelajar yang mempunyai latarbelakang pendidikan Ijazah Pertama daripada pelbagai bidang pengajian yang tidak berkaitan dengan pendidikan seperti bidang kejuruteraan mekanikal, elektrik, awam dan perdagangan. Untuk memastikan kelayakan mereka untuk mengajar, maka mereka perlu mengikuti kursus Sarjana Pendidikan untuk tempoh satu tahun setengah.

Perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat turut mempengaruhi situasi dalam arena pendidikan. Oleh itu, pendidikan di sekolah atau institusi pendidikan tinggi awam serta pendidikan guru atau pendidikan pensyarah perlu disediakan dengan perubahan-perubahan ini. Ini bermakna fungsi pengajaran-pembelajaran akan menjadi kompleks dan melangkaui fungsi menyampaikan pengetahuan semata-mata. Mereka perlu mengajar pelajar-pelajar supaya belajar secara kritis iaitu melatih dan mendidik pelajar supaya berpengetahuan dan berkemahiran.

1.1 Latar belakang Masalah

Berdasarkan keperluan dan peranan baru yang akan dimainkan oleh guru-guru atau pendidik dalam masyarakat yang berubah-ubah dan kian kritikal, taraf pendidikan guru atau pensyarah perlu ditingkatkan dari segi kurikulum atau pedagogi. Latihan asas adalah tahap permulaan kepada latihan yang berterusan. Pendidikan yang berterusan ini akan membantu pendidik mendapatkan latihan lanjutan bagi mengemaskinikan taraf profesional mereka.

Sehubungan dengan itu, sama ada pendidikan dapat melahirkan warganegara yang mampu hidup dalam masyarakat yang berubah atau sebaliknya adalah bergantung pada kualiti pendidikan guru. Sebagaimana menurut Awang Had Salleh (1980), di negara kita perguruan ini lebih mirip kepada pekerjaan (vocation) daripada profesion. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap profesional perguruan itu masih rendah, terdapat berbagai-bagai struktur institusi pendidikan perguruan dengan program-program perguruan yang berbagai-bagai, jangka masa kursus pendidikan guru yang berbeza-beza, terdapat jurang komunikasi yang besar di antara sekolah-sekolah dan institusi pendidikan guru (teori dan praktik), pemilihan calon-calon yang kurang rapi dan ketiadaan organisasi perguruan yang boleh dinamakan Majlis Perguruan untuk menjaga kepentingan profesion ini.

Selain itu, terdapat beberapa tokoh yang mengatakan bahawa jangkamasa penyediaan guru sebagai golongan profesional adalah tidak mencukupi. Di antara mereka yang membicarakan hal ini termasuklah Stoltenberg, Dunbar, Howsam dan Lodge dalam Abdullah Mohd. Noor (1986) seperti yang dinyatakan di bawah :

Stoltenberg dalam Abdullah Mohd. Noor (1986). , mengutarakan “konsep residen” supaya dimasukkan ke dalam program pendidikan guru sebagai satu komponen pelengkap. Komponen ini bermula selepas ijazah pertama dalam pendidikan guru. Selepas empat tahun seseorang calon menjalani pendidikan

perguruan, ia perlulah menjalani satu tahap (komponen) lagi dalam pendidikan guru iaitu tumpuan khas diberi kepada kerja yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan bilik darjah. Sekolah dan bilik darjah merupakan makmal yang realistik di dalam pengajaran-pembelajaran. Tujuan “konsep residen” ini ialah untuk mengintegrasikan di antara teori dan praktik di dalam pendidikan.

Dunbar dalam Abdullah Mohd. Noor (1986)., mengutarakan satu kes di mana program pendidikan guru di Universiti Allegheny telah berubah dari program empat tahun ke program lima tahun selepas 1964. Perubahan ini dilakukan kerana latihan pra-khidmat sahaja tidak menyediakan guru-guru dengan secukupnya untuk menghadapi realiti pengajaran di sekolah. Program lima (5) tahun ini mengandungi satu program ijazah pertama yang digalurkan dengan pengalaman di sekolah, satu tahun penyeliaan dan satu jangkamasa bimbingan pengajaran yang berterusan.

Guru-guru secara amnya mempunyai jangka waktu latihan yang terpendek sekali jika dibandingkan dengan profesion yang lebih kukuh kedudukannya seperti perubatan, Howsam dalam Abdullah Mohd. Noor (1986). Kenyataan ini dipersetujui oleh Smith dan Street dalam Abdullah Mohd. Noor (1986)., kerana mereka mengatakan jangkamasa dalam penyediaan kebanyakan profesion yang lain telah dipanjangkan pada awal abad ke-20, tetapi hal ini tidak berlaku dalam pendidikan. Masa persediaan guru patut dipanjangkan atas sebab program pendidikan biasanya disediakan dalam masa yang terhad. Untuk memperbaiki kualiti perguruan Howsam dalam Abdullah Mohd. Noor (1986), telah memerhatikan bahawa penjujukan ke arah menambahkan jangkamasa program pendidikan guru semakin mendapat sambutan.

Kekurangan di dalam program penyediaan guru-guru dalam aspek kemahiran profesional akan mengakibatkan prestasi yang kurang di dalam pengajaran mereka. Misalnya di dalam program ijazah yang memakan masa 4 tahun, hanya 20% daripada kerja kursus diberi di dalam pendidikan untuk guru-guru sekolah menengah, Habermann and Stinnett dalam Abdullah Mohd. Noor (1986). Malah ada beberapa program pendidikan guru yang memperuntukkan hanya 13% masa bagi komponen

profesional di dalam program guru pra perkhidmatan untuk sekolah menengah dan peratus masa yang lebih banyak untuk persediaan guru-guru sekolah rendah.

1.2 Penyataan Masalah

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa, para pelajar yang mengambil Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional di KUiTTHO adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Pertama daripada pelbagai bidang pengajian yang tidak berkaitan dengan pendidikan seperti bidang kejuruteraan mekanikal, elektrikal, awam dan perdagangan.

Daripada kes-kes atau isu-isu yang dinyatakan di dalam latar belakang masalah, maka timbul persoalan bahawa dapatkah para pensyarah lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO, menguasai atau mempunyai kualiti-kualiti profesional sebagai seorang pendidik dengan hanya mengikuti kursus pendidikan dalam tempoh satu tahun setengah atau untuk tiga semester?

Ini kerana terdapat sebahagian staf di Politeknik yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap pensyarah lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO. Bagi mereka, pensyarah lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO ini tidak mempunyai sikap, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi keperluan untuk menjadi seorang pensyarah di Politeknik. Selain itu, tiada satu panduan yang dapat digunakan untuk seseorang pensyarah itu membuat penilaian sendiri terhadap tahap profesionalisme keguruan yang dimiliki.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Izlin Zuriani (2002), berkaitan dengan kualiti pensyarah dari aspek sikap, penguasaan ilmu pengetahuan dan penguasaan kemahiran mendapati bahawa kualiti pensyarah lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO daripada persepsi staf Politeknik seperti Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan, Penolong Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan pensyarah adalah pada tahap sederhana. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat pandangan pensyarah lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO itu sendiri tentang tahap profesionalisme keguruan yang dimiliki oleh mereka.

Tahap profesionalisme keguruan pensyarah yang ditinjau dalam kajian ini adalah dari aspek penguasaan pengetahuan dalam bidang yang diajar, kemahiran dan kaedah penyampaian dan sahsiah yang dimiliki.

1.3 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan masalah yang telah dibincangkan, dua persoalan kajian telah dihasilkan seperti berikut :

1. Adakah terdapat ciri-ciri kualiti profesionalisme keguruan di kalangan lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO dari segi aspek pengetahuan dalam bidang yang diajar, kemahiran dan kaedah penyampaian dan aspek sahsiah yang dimiliki?
2. Adakah terdapat kecenderungan dikalangan lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO untuk meningkatkan tahap profesionalisme keguruan?


1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memperolehi dan mendapatkan maklumat sebenar mengenai tahap profesionalisme keguruan pensyarah Politeknik lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTTHO dari aspek :

1. Mengenalpasti ciri-ciri kualiti profesionalisme keguruan yang dimiliki oleh lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTTHO di Politeknik.
2. Mengenalpasti sejauhmana kecenderungan lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTTHO untuk meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

1.5 Kerangka Teori

Kajian ini akan menumpukan kepada aspek pengetahuan dalam bidang yang diajar, kemahiran dan kaedah penyampaian yang cekap serta aspek sahsiah. Sebagaimana menurut Mook Soon Sang (1996), di bawah konteks profesionalisme keguruan, pengetahuan yang lengkap dan mendalam, menguasai kemahiran mengajar dan sikap seseorang guru merupakan antara ciri-ciri kualiti profesionalisme keguruan dan merupakan faktor penentu yang penting. Sehubungan dengan itu, kerangka teori bagi kajian ini boleh diringkaskan seperti berikut :



Rajah 1.0 : Kerangka Teori

Ciri-ciri kualiti yang dinyatakan iaitu seperti aspek pengetahuan adalah berkaitan dengan pengetahuan yang mendalam yang dimiliki oleh seseorang pensyarah atau pendidik tentang bidang yang diajar. Kajian ini akan cuba mengenalpasti sama ada pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang pensyarah itu menepati apa yang diperlukan sebagai seorang yang profesional.

Kemahiran dan kaedah penyampaian adalah berkaitan dengan cara dan teknik yang biasa digunakan di dalam pengajaran, sama ada seseorang pendidik itu sentiasa berfikiran kreatif dan inovatif di dalam pengajarannya serta sentiasa cuba mencari sesuatu perubahan atau mencuba sesuatu yang baru.

Aspek sahsiah yang disentuh adalah seperti adalah berkaitan dengan tingkahlaku atau kelakuan, keperibadian atau personaliti, cara berkomunikasi, berpakaian serta usaha dalam mendapatkan bahan pengajaran dan sebagainya dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang pendidik yang terlatih. Selain itu, pengkaji juga cuba mengenal pasti sama ada terdapat kecenderungan dikalangan pensyarah untuk cuba mempertingkatkan tahap profesionalisme keguruan yang dimiliki.

Daripada dapatan kajian yang dilakukan, satu cadangan untuk mewujudkan satu panduan ringkas berkaitan penilaian tahap profesionalisme keguruan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada lepasan Sarjana Pendidikan KUiTTHO yang berkhidmat di Politeknik Sultan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA). Kajian ini adalah berdasarkan persepsi pensyarah tentang ciri-ciri kualiti profesionalisme

keguruan yang dimiliki dari aspek pengetahuan dalam bidang yang diajar, kaedah dan kemahiran penyampaian serta aspek sahsiah yang dimiliki. Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam memberikan jawapan, pandangan dan pendapat mereka secara ikhlas dan jujur.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji mengharapkan agar hasil kajian atau dapatan kajian ini kelak akan dapat memberikan kepentingan kepada beberapa pihak yang tertentu, iaitu :

(i) Lulusan Sarjana Pendidikan

Hasil kajian ini akan membantu memantapkan lagi tahap profesionalisme dikalangan pensyarah lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO dalam profesion perguruan. Hasil daripada kajian ini juga boleh memberi gambaran tentang ciri-ciri kualiti profesionalisme keguruan yang dimiliki oleh lulusan Sarjana Pendidikan, sekaligus memberi kesedaran di kalangan lulusan Sarjana Pendidikan untuk terus meningkatkan kualiti profesionalisme yang mereka perlukan dan seterusnya meningkatkan iltizam untuk memenuhi aspirasi profesion keguruan.

(ii) Pelajar Sarjana Pendidikan

Kajian ini juga akan dapat memberi manfaat kepada pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO di dalam usaha meningkatkan taraf kaum guru atau pendidik kepada taraf profesionalisme. Selain itu, pelajar akan menjadikan ia sebagai rujukan dalam menempuhi alam pekerjaan kelak.

(iii) KUiTTHO

Dengan mengenalpasti tahap profesionalisme yang perlu ada dikalangan pendidik atau pensyarah, dapat mempertingkatkan lagi kualiti kursus pendidikan yang ditawarkan oleh KUiTTHO. Kajian ini juga akan dapat memberi manfaat kepada pihak KUiTTHO, di mana ia akan dapat melahirkan individu atau pelajar Sarjana Pendidikan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tetapi juga mempunyai sahsiah yang baik. Dengan ini dapat meningkatkan lagi imej KUiTTHO.

(iv) Kementerian Pendidikan

Selain daripada itu, ia juga boleh membantu Kementerian Pendidikan melahirkan pendidik yang mempunyai tahap kualiti profesionalisme keguruan yang tinggi dan dapat memberi sumbangan kepada institusi-institusi pendidikan yang ada khususnya Politeknik.



RUJUKAN

Abdullah Mohd. Noor (1986), *Cabaran Profesionalisme Perguruan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1992), *Sikap, Nilai dan Prestasi : Implikasinya Kepada Pendidikan*, Jilid 16, ms 85-101.

Abd. Rahim Abd. Rashid (1996), *Kualiti Pembangunan Profesionalisme Keguruan dalam Konteks Sekolah*, Jurnal Pendidikan, 18 - 22

Ahmad Sarji Abdul Hamid (1992), *Penerapan Nilai dan Budaya kerja Cemerlang Dalam Pentadbiran Awam Malaysia*, Kuala Lumpur

Asnah Abdul Hamid (1996), *Nilai dan Etika Profesional Dalam Perkhidmatan Pendidikan*, Jabatan Perkhidmatan Kepimpinan Kurikulum dan Pedagogi, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur.

Atan Long, (1983), *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Awang Had Salleh (1980), *Keguruan dan perguruan di Malaysia : Keperihalannya Kini dan Arah yang Dituju*, KONPEN V, Johor Bahru 6 – 8 Disember.

Borang JPA Prestasi 2/96, Laporan Penilaian Prestasi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Clark, D. C. & B. R. Cutler (1990), *Teaching an Introduction*, Florida Harcourt Brace Jovanovich.

Cohn, M. M., R. B. Kotthamp, E. F. Provenza (1987), *To be a Teacher Cases, Concept Obsevation Guides*, New York : Random House Inc.

Collin, S. R., C. W. Wing, M. P. Teichert (1991), *Teaching Learners and Technology : A Planning Guide*, US : Apple Computer Inc.

Davidson, H.H, and Lang, G., (1960), *Children Preception of Their Teachers' Feeling Toward Them Related to Self Perception, School Achievement & Behaviour*, *Journal of Experimental Education* 29 : page 108-118.

Dr. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad, (2000), *Ubah Penampilan Diri (10 petua membina diri positif)*, MAP Training Consultancy Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1994), *Psikologi Dalam Bilik Darjah*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1996), *Pendidikan di Malaysia 1, Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah (sem 1)*, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar bakti Sdn.Bhd.

Fauziah Abdul Hamid (1999), *Guru Berkualiti : Satu Tinjauan Terhadap Sahsiah dan Pengajaran Guru Mengikut Persepsi Pelajar di Sekolah Menengah*, Universiti Teknologi Malaysia : Skudai

Guru Berkualiti Aspirasi Negara, Berita Harian 15 Mei 2002.

Hairuddin Mohd Ali, Muhammad Bustaman Abdul Manaf dan Mohd Al Shaari Mohd Ramli (1999), *Panduan Ringkas Penubuhan dan Pelaksanaan Sistem Kualiti MS ISO 9000 dalam Organisasi Pendidikan*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Izlin Zuriani (2002), *Kualiti Pensyarah Politeknik Lulusan Sarjana Pendidikan*

Kaplan, L. S. dan Owings, W. A. (2001), *Teacher Quality and Student Achievement : Recommendation for Principals*, *Bulletin*, 85 (625).

http://www.nassp.org/news/bltn_tch_qul_stdnt_ach1101.html

Krejeie, R. V. and Morgan, D. W. (1970), Determining Sampel Size for Research, *Educational and Psychological Measurement*, 30. pg. 607 – 610

Maslow, A.H. dan Zimmerman, (1956), W.College teaching ability, scholarly activity and personality, *Journal of Educational Psychology*, 47, 185-189.

McAshan, H.H. (1979), *Competency-based education and behavioral objectives*, New Jersey: Educational Technology.

Micheal B.D. (1981), *Professional Ethics*, Belmont : Wordworth.

Mohd. Majid Konting (2000), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Sheffie Abu Bakar (1991), *Metodologi Penyelidikan*, 2nd. Ed. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mok Soon Sang (1996), *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nazariah Hassan (1994), *Pengajaran Yang Berkesan Bukan Bergantung Kepada Gerak Hati atau Institusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Nelson, J. K., K. Carlson & S. B. Palonsky (1993), *Critical issues education: A dialectic approach (Edisi kedua)*. USA: McGraw-Hill.

Nona, Julai 1996, Bil: 174, m/s 110-111

Noorsuriani Nazrudin (2000), *Penglibatan Pelajar Dalam Kegiatan Kurikulum Sukaneka : Satu Tinjauan di ITTHO*, Kajian Kes Sarjana, Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Noran Fauziah dan Ahmad Mahdzan (1992), *Guru dan Perguruan*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Omardin Haji Ashaari, (1985), *Personaliti guru dan perkaitannya dengan tingkahlaku pelajar dalam bilik darjah - satu kajian kes di lima buah sekolah menengah di sekitar negeri Selangor*. Sarjana Sastera UKM.

Ornstein A. C. (Ed) (1995), *Theory into Practice*, US : Allyn & Bacon.

Rohani Abdul Hamid (1998), *Keperluan pendidikan abad ke-21 Projek Sekolah Bestari. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Pendidikan Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 26- 27 November.

Shaw R. (1995), *Teacher Training in Secondary Schools (second edition)*, London : Kogan Page

Sufean Hussin (1993), *Pendidikan di Malaysia: sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tajul Ariffin Noordin (1990), *Pendidikan Suatu Pemikiran Semula*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tema Hari Guru Bukti Kualiti Diberi Penekanan, Berita Harian 10 April 2002.

Tyre, D. M. Haer, H. & Burn, K. T (1994), *The Management of Student Teacher's Learning : A Guide for Professional Tutors in Secondary Schools*, London : Kogan Page.

Utusan Sarawak, 19 November 1997.

Wan Mohd Nor dan Wan Daud (1991), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Budaya.

Wiersma, W. (1997), *Research Methodological in Education 5th. Ed.*, New York, Prentice Hall.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH